



31 Disember 2020
31 December 2020
P.U. (A) 420

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGENAAN CUKAI JUALAN BERKENAAN DENGAN KAWASAN DITETAPKAN) (PINDAAN) 2020

SALES TAX (IMPOSITION OF SALES TAX IN RESPECT OF DESIGNATED AREAS) (AMENDMENT) ORDER 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGENAAN CUKAI JUALAN BERKENAAN DENGAN
KAWASAN DITETAPKAN) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 50
Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Jualan (Pengenaan Cukai Jualan berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan) (Pindaan) 2020**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Cukai Jualan (Pengenaan Cukai Jualan berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan) 2018 [*P.U. (A) 206/2018*] dipinda dengan menggantikan perenggan 2 dengan perenggan yang berikut:

“Pengenaan cukai jualan

2. Cukai jualan yang hendak dikenakan dan dilevikan hendaklah pada kadar yang ditetapkan di bawah subseksyen 10(2) Akta ke atas pengimportan—

(a) barang-barang yang berikut ke dalam kawasan ditetapkan:

(i) petroleum;

(ii) rokok;

(iii) produk tembakau;

(iv) paip rokok (termasuk kepala paip);

- (v) rokok elektronik dan peranti pengewap elektrik peribadi yang serupa;
 - (vi) sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewap elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, yang tidak mengandungi nikotin;
- (b) marmar dan ikan bilis ke dalam Langkawi; dan
- (c) kenderaan bermotor ke dalam Tioman dan Pangkor.”.

Dibuat 31 Disember 2020
[MOF.TAX(S)700-1/1/7 JLD. 6; PN(PU2)751/VI]

DATO' SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

SALES TAX ACT 2018

SALES TAX (IMPOSITION OF SALES TAX IN RESPECT OF DESIGNATED AREA)
(AMENDMENT) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by section 50 of the Sales Tax Act 2018 [*Act 806*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Sales Tax (Imposition of Sales Tax in respect of Designated Areas) (Amendment) Order 2020**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2021.

Amendment of paragraph 2

2. The Sales Tax (Imposition of Sales Tax in respect of Designated Areas) 2018 [*P.U. (A) 206/2018*] is amended by substituting for paragraph 2 the following paragraph:

“Imposition of sales tax

2. Sales tax to be charged and levied shall be at the rate fixed under subsection 10(2) of the Act on the importation of—

(a) the following goods into the designated area:

(i) petroleum;

(ii) cigarettes;

(iii) tobacco products;

(iv) smoking pipes (including pipe bowls);

- (v) electronic cigarettes and similar personal electric vaporising devices;
 - (vi) preparation of a kind used for smoking through electronic cigarette and electric vaporising device, in forms of liquid or gel, not containing nicotine;
- (b) marble and anchovies into Langkawi; and
- (c) motor vehicles into Tioman and Pangkor.”.

Made 31 December 2020
[MOF.TAX(S)700-1/1/7 JLD. 6; PN(PU2)751/VI]

DATO' SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Minister of Finance